



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*National University  
of Malaysia*



اوپنور سيني مليسيا فھنغ  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



# WACANA SERANTAU RUKUN NEGARA DAN PANCASILA

IDEOLOGI DAN AMALAN



DEWAN ORGANZA HOTEL ZENITH  
KUANTAN, PAHANG


**23 OGOS 2022**

8:30 PAGI - 1:00 TENGAH HARI

# RUKUN NEGARA

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN



## Pancasila

-  **Ketuhanan Yang Maha Esa**
-  **Kemanusiaan yang Adil dan Beradab**
-  **Persatuan Indonesia**
-  **Kerakyatan yang Dipimpin oleh Hikmat Kebijaksanaan dalam Permusyawaratan/Perwakilan**
-  **Keadilan Sosial bagi Seluruh Rakyat Indonesia**



# Mukadimah

## WACANA SERANTAU RUKUN NEGARA DAN PANCASILA IDEOLOGI DAN AMALAN

Sejak tahun 2016, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Aziz Rahman selalu mengunjungi Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) untuk melakukan pelbagai seminar bersama dalam topik Patriotisme. Beliau begitu banyak menggali informasi di UNY berhubung Amalan Pancasila di Indonesia dengan Amalan Rukun Negara di Malaysia.

Menurut Tan Sri Abdul Aziz, Amalan Pancasila sudah sangat maju dan komprehensif meresapi pelbagai sektor negara, masyarakat, dasar Pendidikan, ekonomi dan politik di Indonesia, beliau menginginkan Rukun Negara dapat diamalkan seperti itu di Malaysia sehingga beliau selalu hadir ke UNY untuk berkongsi dalam pentas diskusi dan seminar.

Awal kerjasama Prof. Dr. Farida Hanum, M.Si (UNY) dengan Tan Sri Abdul Aziz Rahman bermula pada tahun 2016 apabila Tan Sri Abdul Aziz menyelesaikan Ijazah Doktor Falsafah beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkenaan Patriotisme Belia Malaysia. Pada tanggal 15 di bulan Mac 2016, Tan Sri Abdul Aziz berangkat ke UNY bersama Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Razaq Ahmad pensyarah di UKM yang menjadi pembimbing untuk program kedoktorannya di UKM. Pada kesempatan tersebut Tan Sri Abdul Aziz memaparkan hasil penelitian beliau tentang Patriotisme di Malaysia di hadapan para mahasiswa Fakultas Ilmu Pendidikan UNY.

Pada tanggal 20 Ogos tahun 2017, sekali lagi Tan Sri Abdul Aziz mengunjungi UNY bersama Prof. Madya Dr. Abdil Razak Ahmad dan Rombongan MUBARAK serta para pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Yogyakarta dengan mengadakan seminar bersama UNY dalam isu patriotisme di Pusat Studi Pancasila dan Program Kebijakan Pendidikan dengan topik berjudul Integrasi Nasional dan Patriotisme Abad XXI.

Pada 6 November 2019 Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman yang datang bersama Prof. Dr. Dato' Abdul Razak Ahmad dari UKM melaksanakan Syarahan Umum di hadapan para pensyarah UNY. Oleh kerana sudah berkali-kali Tan Sri Abdul Aziz berkongsi Seminar 'Patriotisme' di UNY, beliau sangat berkeinginan untuk melaksanakannya pula di Malaysia dan akan mengundang delegasi dari Muhammadiyah University of Yogyakarta (UMY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM) untuk bersama berkongsi dan mewacanakan Rukun Negara dan Pancasila. Namun demikian hasrat tersebut tertunda akibat Pandemik Covid-19 selama dua tahun, sebelum akhirnya pada tanggal 23 Ogos 2022 hasrat ini tercapai dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertempat di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang.





# Forum

## WACANA SERANTAU

### RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : IDEOLOGI DAN AMALAN

23 Ogos 2022 Dewan Organza, Hotel Zenith Kuantan Pahang

Wacana Serantau, Rukun Negara dan Pancasila: Ideologi dan Amalan merupakan kerjasama dua negara serumpun; Malaysia dan Indonesia. Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mewakili Malaysia manakala Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM) mewakili Indonesia.

Wacana ini dijayakan dari 8:30 pagi hingga 1:00 tengah hari, pada 23 Ogos 2022 di Dewan Organza, Hotel Zenith, Kuantan Pahang. Muzik tradisional kumpulan Anak Kayan mengiringi masuk tetamu kehormat. Majlis dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku, Indonesia Raya dan lagu UMP; Maju Gemilang. Sekali lagi Anak Kayan mengiringi pendekar cilik berpencak silat. Majlis diteruskan dengan Ucapan Aluan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Ts Dr Yuserrie Zainuddin. Acara diteruskan dengan Ucapan Perasmian oleh Tan Sri Dato' Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman.





Perbincangan dan perbahasan ilmiah tentang Rukun Negara dan Pancasila dibahagikan kepada dua sesi. Pertama, Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin menyampaikan Ucaptama 1 disusuli dengan forum yang dikemudikan oleh Prof Dr Farida Hanum. Panel-panel forum ini ialah Prof Dr Sivamurugan Pandian, Prof Madya Dr Rukiyati, Saudara Ahmad Fahmi Fazli dan Saudari Evi Rovikoh Indah Saputri.

Kedua, Dr Heri Santoso menyampaikan Ucaptama 2. Dr Mohamad Hilmi Mat Said mengemudikan forum kedua. Pembicara dalam forum ini ialah Prof Madya Dr Hasan Ahmad, Prof Dr Siti Irene Astuti Dwiningrum, Saudari Mariam Zahiah Tazali dan Saudara Farozi Ar'rafi.

Hadirin terdiri daripada wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO), kakitangan dan pelajar UMP, delegasi UNY dan UGM serta rombongan dari UKM.

# Ucapan Aluan

## NAIB CANSOLOR



Ucapan aluan Profesor Dato' Ts Dr Yuserrie Zainuddin, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkisar tentang kerjasama serumpun dan kepentingan ideologi negara. UMP melalui Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS) bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM) menganjurkan wacana ini.

Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara serumpun yang memiliki persamaan dari beberapa sudut. Selain bahasa dan budaya, kedua-dua negara tetangga ini meraikan sambutan kemerdekaan pada bulan yang sama. Republik Indonesia (RI) telah menyambut Hari Kemerdekaan ke-77 pada 17 Ogos yang lalu. Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan ke-65 pada 31 Ogos kelak. Kedua-dua negara ini membina negara serta perpaduan atas slogan tersendiri. Bersekutu Bertambah Mutu menjadi tonggak bagi Malaysia manakala RI berpegang pada slogan binneka tunggal ika atau berbeza-beza tetapi tetap satu. Idealisme dan ideologi Rukun Negara bagi Malaysia lahir selepas merdeka. Berbeza dengan RI, Pancasila lahir sebelum merdeka.

Ideologi negara penting untuk membudayakan semangat kebangsaan atau nasionalisme serta membina jati diri bangsa. Oleh itu, Rukun Negara dapat menjadi kunci keharmonian dan kesejahteraan bangsa. Pancasila mempunyai peranan yang sama. Justeru, ideologi negara perlu dihayati dan diamalkan. Institut Kajian Pembangunan Belia Malaysia melaporkan lebih 80% belia memahami Rukun Negara, namun gagal menghayatinya. Memetik kata-kata Tun Razak, rahsia kesempurnaan Rukun Negara pada amalannya. Jika tidak Rukun Negara sekadar menjadi secebis dokumen yang tidak bermakna.

# Ucapan Perasmian PENGERUSI



Tan Sri Dato' Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman berucap dengan menekankan usaha-usaha yang dilakukan untuk menanam semangat nation building. Bagi beliau, Pancasila dan Rukun Negara mempunyai lebih banyak persamaan berbanding perbezaan. Lima sila dan lima rukun menuju untuk mencapai hasrat yang sama dalam membina negara. Tan Sri Dato' Sri Dr Abdul Aziz mengulangi kata-kata Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri tentang nation of intent yang masih belum tercapai. Usaha-usaha ke arah pembinaan negara masih bersifat work in progress.

# Ucuptama 1

Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah serta Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyampaikan ucuptama 1 bertajuk Tapak Integrasi dan Pembinaan Negara: Pengalaman Malaysia. Perkongsian dalam ucapan ini berdasarkan pengalaman beliau sebagai penyelidik dan Penasihat di Kementerian Perpaduan Malaysia.



Bicaranya dimulakan dengan menerangkan konsep tapak integrasi. Gagasan ini dicoretkan dalam buku bertajuk Tapak Integrasi dan Wahana Penyatupaduan Bangsa; terbitan UKM 2020. Tapak integrasi ialah ruang abstrak dan fizikal seperti Perlembagaan Persekutuan 1957 dan Perjanjian Malaysia 1963. Melalui ruang ini, pihak yang berbeza pendapat akan menyelesaikan masalah dengan tawar-menawar (bargaining), berunding (negotiation) dan bermediasi (mediation).

Selanjutnya, beliau menyorot latar sejarah Pancasila dan Rukun Negara. Kedua-duanya berbeza dari dua sudut; masa dan tujuan penggubalannya. Pada 29 Mei/1 Jun 1945, Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) membahaskan dasar Pancasila berdasarkan Sumpah Pemuda (1928). Panitia Sembilan bersetuju bahawa Pancasila dijadikan Mukadimah Undang-undang Dasar (UUD) 1945. Jadi, Pancasila diasaskan sebagai dasar negara Indonesia merdeka. Manakala Rukun Negara pula digubal selepas merdeka kerana konflik etnik pada 13 Mei 1969. Rukun Negara dihayati melalui kefahaman dan amalan. Hingga kini 8,330 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) diwujudkan untuk penyatupaduan masyarakat. Orientasi KRT berubah-ubah mengikut penggal masa; 1975-1984 Kesejahteraan; 1985-2001 Kejiranan; 2002-2010 Pembangunan Komuniti; 2011-2016 Model Transformasi Rukun Tetangga dan 2020-2030 Teras Strategik Perpaduan Negara

Teras Strategik Perpaduan Negara telah disusun dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) serta Dasar Perpaduan Negara. Bagi tempoh 2021-2025, perancangannya tertumpu pada lima cita-cita yang dihasratkan dalam Mukadimah Rukun Negara.



## Panel 1

Prof Dr Sivamurugan Pandian (USM) merumuskan semula Ucapan Aluan Dato' Naib Canselor tentang sirah, tawarikh atau sejarah pembentukan Rukun Negara. Beliau turut merumuskan Ucaptama 1 tentang keutamaan lima cita dalam Mukadimah Rukun Negara yang perlu didukung. Beliau menekankan bahawa semua pihak bertanggungjawab untuk menyasikan diri dalam perbezaan supaya penyatupaduan dapat dicapai. Hal ini demikian kerana perbezaan merupakan kekayaan untuk mengembangkan buah fikiran. Penyatupaduan akan membentuk identiti nasional. Perpaduan mudah 'dibohkan' dan sukar 'dibina' semula.

## Panel 2

Prof Madya Dr Rukiyati (UNY) menerangkan bahawa Pancasila diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan. Hal ini demikian kerana Pancasila merupakan dasar, falsafah dan pandangan hidup warga RI. Dengan demikian, bangsa Indonesia dapat disatukan demi mencapai keadilan dan kemakmuran.

Kurikulum pendidikan Pancasila bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang tertinggi. Kini Kurikulum Merdeka diperkenalkan untuk merekodkan profil pelajar Pancasila. Enam nilai dijabarkan daripada Pancasila; 1) Beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia; 2) Berkebinekaan Global; 3) Gotong royong; 4) Mandiri; 5) Bernalar kritis; dan 6) Kreatif.



## Panel 3

Saudara Ahmad Fahmi Fazli (UMP) menjelaskan bahawa Rukun Negara perlu difahami, disematkan kesedaran dan dihayati. Rukun Negara dapat difahami melalui pengetahuan terma dan sejarahnya. Kesedaran akan terbina setelah seseorang itu cukup pengetahuan. Penghayatan Rukun Negara terpancar dalam tutur kata dan perbuatan. Demi keharmonian, seseorang itu perlu menjaga tutur kata dan tingkah lakunya.

## Panel 4

Saudari Evi Rovikoh Indah Saputri (UNY) menjelaskan tentang pelaksanaan lima sila dalam kalangan mahasiswa sebagai agen perubahan dalam masyarakat. 1) Ketuhanan yang Maha Esa; mahasiswa perlu menganut salah satu daripada enam agama di Indonesia dan bertoleransi atau menyesuaikan diri untuk mengamalkan agama masing-masing. 2) Kemanusiaan yang adil dan beradab; mahasiswa menghormati perbezaan budaya dan amalan membuli perlu dielakkan. 3) Persatuan Indonesia; bhinneka tunggal eka bermaksud satu dan cinta kepada bangsa atau nasionalisme. 4) Kerakyatan yang dipimpin oleh hikmat kebijaksanaan dan permusyawaratan perwakilan; mengamalkan diskusi dalam kegiatan politik kampus dalam memutuskan sesuatu hal. 5) Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia; adil bukan bermaksud sama. Sebaliknya adil mengikut keperluan dan kemampuan seseorang



# Ucuptama 2



Menurut Dr Heri Santoso (UGM), kedudukan dan fungsi Pancasila sebagai dasar negara dan sistem falsafah pada era ini menghadapi pelbagai cabaran dan memerlukan penyelesaian yang serius. Kedudukan Pancasila sebagai dasar negara antara lain memerlukan kepada penggantian Pancasila, masalah pelaksanaan UUD 1945 dan kesannya disebaliknya. Seterusnya kedudukan Pancasila sebagai dasar negara telah menimbulkan persoalan Pancasila itu berada dalam kategori yang bagaimana, kedudukan Pancasila dalam falsafah dunia dan bagaimana harus dikembangkan Pancasila agar setanding dengan falsafah lain di dunia.

Pada peringkat awal, Pancasila bukanlah suatu sistem teori falsafah yang lengkap, melainkan sebagai suatu falsafah yang dijadikan sebagai pandangan hidup dan falsafah dasar negara. Selepas itu, Pancasila telah dikembangkan menjadi falsafah yang sistematik yang berkait dengan politik, kenegaraan dan undang-undang yang akhirnya diangkat menjadi falsafah negara berkait dengan kehidupan dan keilmuan. Usaha mengangkat Pancasila sebagai falsafah sistematik akan membuka ruang perdebatan dengan falsafah lain dunia yang lebih mantap dan mampan.

Seterusnya, strategi yang dilaksanakan bagi memperkuatkan Pancasila sebagai dasar negara dan sistem falsafah dapat dilakukan dengan revitalisasi dan reaktualisasi Pancasila pada jalur penataan sistem dan perlembagaan, pendidikan dan kebudayaan.

Untuk memastikan Pancasila mampu bersaing dengan beberapa falsafah dunia yang lain maka adalah perlu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan konsep Pancasila itu sendiri. Kekuatan Pancasila adalah terletak pada kedudukannya yang telah melampaui zaman dan kemampuannya merangkul dan mewadahi falsafah lain yang lebih ekstrem. Manakala dari segi kekurangannya pula ia belum diadun dengan baik sehingga masih memerlukan formula dan kajian yang berterusan. Dalam hal ini, Pancasila sebagai dasar negara harus dikembangkan melalui sistem dan peraturan perundangan dalam sektor ekonomi, sosial, politik, budaya, pendidikan, pertahanan, keamanan dan sebagainya. Segala cabaran yang dihadapi dalam memartabatkan Pancasila hanya boleh diatasi dengan pendidikan.

# Moderator

Dr Mohamad Hilmi Mat Said (UMP)



## Panel 1

Perkataan Rukun Negara hanya di Malaysia kerana tempat lain tidak menggunakan rukun. Rukun biasanya dikaitkan dengan keagamaan. Perkataan Rukun Negara itu refleksi kepada agama Islam. Kandungan Rukun Negara itu mengandungi doktrin Islam atau citra Islam. Kepercayaan kepada Tuhan membawa maksud ketuhanan kepada semua penganut agama di Malaysia. Jadi dalam Rukun Negara telah nampak ketuhanan di situ. Sejak zaman berzaman lagi telah wujud kerajaan-kerajaan Islam yang silih berganti dan ini ada kaitan dengan elemen ketuhanan. Secara umumnya, setiap manusia adalah fitrah iaitu percaya kepada Tuhan. Walaupun masyarakat negara ini masyarakat majmuk, namun semua mengakui perkara ini. Kepercayaan kesetiaan kepada raja

dan negara. Yang ketiga keluhuran perlembagaan. Perlembagaan adalah asas bahawa dalam sejarah Islam, perlembagaan yang pertama adalah perlembagaan Madinah. Walaupun Madinah pada masa itu ada pelbagai suku kaum dan kabilah, tetapi mereka dapat bersatu melalui perlembagaan Madinah. Asasnya adalah perpaduan. Yang keempat kedaulatan undang-undang di mana duduknya doktrin Islam?

Dalam ajaran Islam dan Hadis ada menceritakan tentang kedaulatan undang-undang sebagai satu kaedah atau instrumen bagi memastikan amanah itu dapat diberikan kepada yang berhak iaitu bagi mewujudkan keadilan. Kewujudan undang-undang adalah untuk keadilan. Kesopanan dan kesusilaan manusia dikehendaki duduk bersama dan perlu berakhlak mulia dari peringkat masyarakat hingga negara. Allah menjadikan berbangsa-bangsa untuk saling kenal mengenali, kita dapat hidup bersama bersepadu, bpoleh bersetuju untuk tidak bersetuju dan boleh bersetuju untuk bersetuju. Moga masyarakat dapat merasai adanya elemen keagamaan dalam Rukun Negara.

## Panel 2

Prof Dr Siti Irene Astuti Dwiningrum; Pendidikan Pancasila telah diberikan kepada semua warga negara Indonesia tanpa pengecualian bagi membentuk warga negara yang baik dan faham akan hak dan kewajibannya sebagai warga negara serta memiliki rasa cinta dan nasionalisme terhadap negara Indonesia. Oleh itu, pendidikan Pancasila diberikan pada seluruh warga negara semenjak di bangku sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pendidikan Pancasila dalam sistem pendidikan formal bukan sahaja diberikan pada usia yang masih muda sehingga pendidikan tinggi (higher education), malahan juga diberikan pada pendidikan nonformal (nonformal education). Pendidikan Pancasila di sekolah diberikan dalam dua bentuk kegiatan, iaitu pada pembelajaran kurikulum dan projek belajar yang disebut dengan projek penguatan profil pelajar Pancasila. Profil pelajar Pancasila yang hendak diwujudkan adalah pelajar yang mempunyai ciri-ciri iaitu:



1. Beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia;
2. Berkebinekaan global;
3. Gotong royong;
4. Mandiri;
5. Bernalar kritis;
6. Kreatif.

Pancasila sebagai ideologi dan “way of life” bangsa Indonesia telah ditanamkan dan dibudayakan di dalam sistem pendidikan nasional dengan nama Pendidikan Pancasila. Implementasi pendidikan Pancasila di sekolah-sekolah telah dilakukan mulai dari peringkat rendah, sekolah menengah hingga pendidikan tinggi. Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset, dan Teknologi telah mengesahkan kurikulum baru yang diberi nama Kurikulum Merdeka. Belajar Kurikulum Merdeka untuk diimplementasikan di berbagai sekolah dan pendidikan nonformal secara bertahap. Di dalam Kurikulum Merdeka, Pendidikan Pancasila telah diterapkan secara berperingkat bagi menanamkan dan membudayakan nilai-nilai Pancasila. Selain menjadi mata pelajaran wajib (intra kurikuler), pendidikan Pancasila juga dirancang dalam kegiatan projek pembelajaran tematik dengan berfokus pada siswa belajar secara aktif, kolaboratif dan kontekstual untuk mewujudkan Profil Pelajar Pancasila.

Pengamalan Pancasila dengan baik dan benar, perlu diupayakan secara berterusan untuk mendidik warga bangsa dalam berbagai lingkup pendidikan iaitu informal, nonformal, dan formal (terutama sekolah). Untuk itu, pendidikan ideologi negara harus dilaksanakan di sekolah-sekolah mulai pra sekolah, sekolah dasar, sekolah menengah, hingga pendidikan tinggi, agar nilai-nilai ideologi mampu mendidik jatidiri kepribadian bangsa sepenuhnya.

## Panel 3



Saudari Mariam Zahiah Tazali menjelaskan tentang kepentingan dan akibat jika warganegara mengabaikan Rukun Negara. Semua lapisan masyarakat di Malaysia mengetahui kewujudan Rukun Negara, persoalannya adakah setelah hampir 65 tahun merdeka, rakyat telah memahami dan menghayati kewujudan Rukun Negara tersebut? Kewujudan Rukun Negara adalah bagi melahirkan insan yang baik dari segi budi pekerti, asas prinsip iaitu Kepercayaan Kepada tuhan, Kesetiaan kepada raja dan negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan kesusilaan. Melalui prinsip asas tadi kita ingin menjamin keamanan negara kerana melalui Rukun Negara kita dapat membentuk sahsiah seseorang untuk menghormati antara kuam yang berada di negara ini. Kesan akibat tidak mengamalkan dan menghayati Rukun Negara ialah seseorang akan berlakunya kerosakan moral yang bercanggah dengan dasar

kesopanan dan kesusilaan. Akibatnya ia akan membawa keburukan kepada sistem diraja kerana rakyat berani mempermainkan dan menyindir institutri raja. Di sini dapat lihat pudarnya sikap kesetiaan kepada raja dan negara dan ia akan membawa kepada keruntuhan sistem atau institusi di raja di negara kita. Perpaduan dalam negara tidak akan tercapai dan kita perlu menoleh kepada peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang diakibatkan oleh sikap masyarakat yang tidak mempunyai sifat jatidiri dan patriotisma yang tinggi dalam jiwanya yang akhirnya merosakkan nilai perpaduan dan akhir sekali keamanan negara goyah buat sementara waktu.

## Panel 4

Saudara Farozi Ar'rafi menjelaskan bahwa bahasa menjadi alat komunikasi yang penting. Masyarakat yang majmuk memerlukan Bahasa yang berperan sebagai penyatu bagi mengelakkan berlakunya salah faham akibat perbezaan agama, kepercayaan dan budaya. Peranan Bahasa Indonesia sebagai Bahasa nasional yang tidak tergoyahkan oleh apa juga cabaran dan ia Bahasa Indonesia wajib digunakan dalam berbagai forum. Salah satu nilai Pancasila yang penting adalah untuk meningkatkan nilai nasionalisme melalui Bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia harus terus digunakan dan dilestarikan sebagai bahasa kesatuan, baik sebagai bahasa komunikasi langsung (verbal) mahupun dalam bahasa ilmiah (tulisan).





# Sesi Soal Jawab WACANA SERANTAU

**RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : FORUM 1 & 2**

23 Ogos 2022 Silk Ballroom Hotel Zenith , Kuantan Pahang

Soalan oleh **Prof Farida**

## Soalan

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh pemimpin negara, para pelajar/mahasiswa tentang Rukun Negara?
2. Kenapakah rakyat Malaysia yang berbilang bangsa tidak fasih menuturkan bahasa Malaysia?



Jawapan oleh **Dr. Hassan**

1. Berdasarkan realiti, selama ini hakikatnya tidak ada masalah, kerana rakyat Malaysia telah memiliki satu integrasi yang tersirat. Terdapat unsur tolak ansur di antara kaum dan bangsa yang berada di Malaysia dalam menghadapi isu-isu perpaduan.
2. Walaupun berbeza bahasa di kalangan rakyat Malaysia mereka masih boleh berkomunikasi dengan baik dengan satu sama lain.



Soalan oleh **Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**

## Soalan

Jika Rukun Negara berasaskan kepada agama Islam, apakah ia boleh menjadi doktrin kepada pembentukan negara bangsa di Malaysia yang merupakan negara masyarakat majmuk?



Jawapan oleh **Dr. Hassan**

Melihat konsep agama islam tidak terhad mana-mana kaum dan bangsa. Keadaan sejagat boleh menerima asas agama islam yang terdapat dalam rukun negara tanpa sebarang pertikaian. Sebagai contoh menjaga akal dan menjaga nyawa adalah suatu perkara yang terlindung oleh Rukun negara. Agama islam sebagai agama persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan harmoni tanpa sebarang sekatan. Tidak ada masalah untuk orang bukan islam untuk berpegang dengan rukun negara dalam apa-apa pon agama yang diamalkan nya



Soalan oleh **Dato Maznah**

## Soalan

Apakah yang perlu seorang dilakukan oleh seorang pemimpin untuk memupuk nilai-nilai perpaduan dalam bidang kerja masing-masing serta bagaimanakah cara untuk menterjemahkan erti perpaduan dalam golongan wanita melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan?



Pendapat oleh **Dato Maznah**

Kurang memberi perhatian berat tentang isu perpaduan kerana tidak ada konflik atau masalah. Pemimpin-pemimpin masyarakat harini perlu diberikan kesedaran, pengetahuan dan kaedah bagaimana mereka boleh menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam kerja seharian masing-masing. Kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat majmuk di mana terdapat perbezaan nilai perpaduan di penempatan kawasan luar bandar yang dilihat lebih aman. Dan jika terdapat rusuhan, baru lah kita akan fikirkan dimanakah salah langkah kita dalam memupuk nilai perpaduan tersebut. Golongan wanita dimana sebagai ibu, anak dan isteri adalah tempat yang paling asas dalam menerapkan nilai-nilai murni dan erti perpaduan yang sebenarnya. Hendak lah banyakkkan terjemahan di akar umbi bagaimana nak menerapkan nilai-nilai dan amalan perpaduan yang memaparkan.

Soalan kepada Ibu Profesor Dr. Siti

## Soalan

Apakah pengaruh pembelajaran Pancasila terhadap rektor bangsa Indonesia pada umumnya?



Jawapan oleh **Ibu Profesor Dr. Siti**

1. Pancasila ialah way of thinking dan way of life. Struktur kurikulum di Indonesia merupakan salah satu usaha untuk menanamkan nilai Pancasila melalui pendidikan.
2. Karakter merupakan kekuatan dan dimensi moral yang positif dan melekat dalam diri seseorang. Problem based learning relevan untuk dikembangkan karena dinamika sosial masyarakat untuk mengembangkan profil pelajar Pancasila yang hendak diwujudkan adalah pelajar yang berciri 1) Beriman dan bertakwa kepada Tuhan 2) Kepelbagaian global 3) Gotong royong 4) Berdikari 5) Berfikiran kritis 6) Kreatif.
3. Pendidik perlu mengembangkan keenam dimensi tersebut secara menyeluruh sejak pendidikan anak usia muda lagi. Secara ringkas nya adalah Pancasila ini adalah bermula dari Pendidikan diperingkat bawah sehingga ke peringkat tinggi dengan konsep dan proses yang jelas yang membolehkan pembentukan bangsa Indonesia.



Soalan kepada saudari Mariam

### Soalan

Sebagai seorang mahasiswa, bagaimanakah cara untuk memupuk penghayatan Rukun Negara?

Jawapan oleh saudari Mariam

1. Cara untuk memupuk penghayatan Rukun Negara adalah dengan melibatkan mahasiswa untuk menyertai program atau majlis gabungan pelajar untuk membicarakan Rukun Negara dan sejarah pembentukan Malaysia dan sebagainya.
2. Jika di peringkat Sekolah, penghayatan dapat dipupuk melalui subjek sejarah, Pendidikan moral dan Pendidikan sivik. Di peringkat IPT, penghayatan dapat dipupuk dengan menerapkan kursus wajib seperti penghayatan etika dan peradaban. Hal ini dapat menyemat semangat patriotisma.
3. Selain itu, peranan media sosial dan media massa seperti Instagram, Facebook dan TikTok juga dapat membantu memupuk penghayatan terhadap Rukun Negara. Hal ini kerana, media sosial lebih mudah untuk menyebarkan berita dan maklumat-maklumat tentang kepentingan menghayati Rukun Negara.

Soalan kepada Ibu Profesor Dr. Siti

### Soalan

Seperti yang disedia maklum, di Indonesia sangat menekankan bahasa Indonesia sebagai bahasa pertuturan. Apakah keuntungan para pelajar Indonesia mempunyai bahasa persatuan iaitu bahasa Indonesia?



Jawapan oleh Ibu Profesor Dr. Siti

1. Keuntungan yang para pelajar Indonesia mempunyai Bahasa persatuan ialah, mereka mempunyai interprestasi. Para pelajar akan mempunyai satu persefahaman yang sama antara satu sama lain yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sebagai contoh dari Sumatera dan Jawa.
2. Selain itu, akan memudahkan komunikasi di dalam organisasi dan memudahkan komunikasi di dalam sesi pembelajaran antara guru dan murid. Sebagai contoh, guru akan mudah untuk mengajar di dalam Bahasa Indonesia, dan murid akan mudah untuk menerima ilmu yang diajar.
3. Di samping itu, Bahasa Indonesia turut menjadi solusi kepada sopan santun apabila berinteraksi dengan orang yang lebih tua.



Soalan daripada  
Nur Hamidah Binti Abdul Aziz  
(MPP UMP)

## Soalan

Sama ada di Malaysia atau Indonesia, adakah Malaysia mampu untuk menubuhkan bangsa Malaysia?

## Jawapan

1. Bahasa yang digunakan sering bergantung kepada bangsa yang ada di sesebuah negara. Namun di Malaysia, tidak berasaskan kepada ketetapan itu kerana disebabkan oleh faktor-faktor sejarah. Sebagai contoh, pembentukan negara Malaysia sendiri adalah disebabkan daripada pengabungan Sabah dan Sarawak mewujudkan pembentukan Persekutuan Malaysia. Maka untuk menggunakan sepenuhnya, diistilahkan dengan Bahasa Melayu.
2. Teras adalah sama antara Bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia. Hal ini disebabkan, pembentukan Persekutuan Melayu adalah dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi. Hal ini juga disebabkan oleh wawasan yang dilancarkan yang berteraskan dari bangsa Melayu, Cina dan India.

# Pelancaran Buku **WACANA SERANTAU**

**RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : IDEOLOGI DAN AMALAN**

22 Ogos 2022 Silk Ballroom Hotel Zenith , Kuantan Pahang



Wacana tentang pembinaan negara bangsa (nation state) adalah merupakan suatu wadah yang sangat penting bagi sesebuah negara. Kedaulatan sesebuah wilayah atau negara hanya akan tercapai apabila warganya dapat hidup dalam kewanitaan bangsa dalam keadaan harmoni dan sejahtera. Penyatuan bangsa memerlukan suatu bentuk penyatuan idea, kesepakatan wadah, doktrin atau ideologi asas yang merangkumi semua warganya secara merentas agama, bangsa, etnik budaya dan latar belakang. Ia suatu kemestian atau kewajipan yang tidak boleh diabaikan sama sekali. Tanpa ideologi penyatuan dan amalan, keharmonian dan ketenteraman dikhuatiri tidak akan dapat dikecapi oleh penduduk sesebuah negara dalam jangka masa panjang. Bagi memperkaya wacana di atas yang kelihatan selalu terabai, Universiti Malaysia Pahang di bawah kelolaan Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS) UMP dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Negeri Yogyakarta dan Universitas Gadjah Mada sedang giat berusaha merencanakan semula bicara atau forum bagi membugarkan kefahaman dan penghayatan Rukun Negara dan Pancasila. Buku ini adalah manifestasi usaha berterusan ITKAS dan rakan kerjasama akademik untuk menghasilkan lebih banyak lagi khazanah penulisan dan bicara berkaitan isu ini.

Buku Rukun Negara dan Pancasila ini memuatkan 23 artikel ilmiah pilihan yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah dari ketiga-tiga institusi tersebut (UMP, UKM & UNY) yang merangkumi konsep, amalan dan penghayatan Rukun Negara dan Pancasila dalam mendepani cabaran sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan undang-undang dan lain-lain bagi kedua-dua negara. Adalah diharapkan bahawa buku ini akan dapat menyumbang sebahagian koleksi bahan ilmiah untuk tatapan generasi muda yang sebahagiannya tidak menyedari kepentingannya.





Buku Rukun Negara dan Pancasila Ideologi dan Amalan dilancarkan dalam Majlis Makan Malam sempena Wacana Serantau Rukun Negara – Pancasila di sini semalam. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, buat pertama kalinya buku itu menggabungkan penulisan penulis UMP, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Negeri Yogyakarta (UNY).

“Ia mengandungi 23 buah artikel yang terdiri daripada tujuh artikel penulis UMP, lapan artikel daripada UKM dan lapan artikel UNY.

“Ini merupakan satu usaha untuk memperkasa Rukun Negara, menghormati prinsip dan nilai untuk mencintai negara kita,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

Ujar Abdul Aziz, majlis pelancaran buku itu turut meraikan hubungan erat dan Universitas Gadjah Mada (UGM) selain dari pihak UKM dan UNY menjayakan program Wacana Serantau yang menampilkan tokoh-tokoh terkenal daripada kedua-dua negara.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Prof Datuk Ts Dr Yuserrie Zainuddin, Pengerusi LPU UNIMAS, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Datuk Kamarudin Md Ali.

“Penganjuran wacana anjuran Institut Tamadun Dan Kajian Strategik (ITKAS) ini juga bertepatan dengan sambutan bulan kemerdekaan ketika ini. Program ini diharapkan dapat menyubur dan menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga UMP dan rakyat Malaysia umumnya,” kata Abd Aziz.

Majlis kesenian turut diserikan dengan persembahan kebudayaan Persembahan dijayakan oleh Gendang Silat dan tiupan tetuag daripada Kelab Serindit, persembahan muzik kombo Pusat Sukan & Kebudayaan UMP bersama artis jemputan Jamrah Mahat, Mohd Safar Shah Alauddin dan Roslan Madun.

Selain itu, aktivis seni negara serta barisan penari Kencana Pawana, Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP dan persembahan wakil MUBARAK dan wakil delegasi Indonesia.



# Buku

## RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : IDEOLOGI DAN AMALAN

EDITOR KEHORMAT  
TAN SRI DATO' SRI DR  
ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN

EDITOR  
HASSAN AHMAD  
MOHD MAHZAN AWANG  
FARIDA HANUM M. SI  
MUHAMMAD AZLI SHUKRI



# *Sekitaran Majlis Forum*

**RUKUN NEGARA DAN PANCASILA :  
IDEOLOGI DAN AMALAN**

# Poster Hebah

## RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : IDEOLOGI DAN AMALAN

**WACANA SERANTAU**  
**RUKUN NEGARA**  
**DAN PANCASILA**  
**IDEOLOGI DAN AMALAN**  
**DEWAN ORGANZA HOTEL ZENITH**  
**KUANTAN, PAHANG**  
**23 OGOS 2022**  
**8:30 PAGI - 1:00 TENGAH HARI**  
f UMP Malaysia

PROFESSOR DATO' TS. DR.  
YUSERRIE ZAINUDDIN DIMP.  
NAB CANGELOR

YBhg. TAN SRI DATO' SRI DR.  
ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN  
PENGURUSI  
LEMBAGA PENGARAH UMP

**MAJLIS MAKAN MALAM DAN**  
**PELANCARAN BUKU**  
**SILK BALLROOM HOTEL ZENITH Kuantan, PAHANG**  
**22 OGOS 2022**  
**8:00 - 11:00 MALAM**

YBhg. TAN SRI DATO' SRI DR.  
ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN  
PENGURUSI  
LEMBAGA PENGARAH UMP

# Poster Forum

## WACANA SERANTAU

RUKUN NEGARA DAN PANCASILA : IDEOLOGI DAN AMALAN

**WACANA SERANTAU**  
**RUKUN NEGARA**  
**DAN PANCASILA**  
**IDEOLOGI RUKUN NEGARA DAN PANCASILA**

*Ucaptive 1*  
**YBhg. PROFESOR ULUNG, DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**  
 PENGARAH PENGASAS  
 INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA), UKM

**DEWAN ORGANA HOTEL ZENITH Kuantan Pahang** | **23 OGOS 2022** | **9:30 PAGI - 11:00 PAGI FORUM 1** | **f UMP Malaysia**

**WACANA SERANTAU**  
**RUKUN NEGARA**  
**DAN PANCASILA**  
**IDEOLOGI RUKUN NEGARA DAN PANCASILA**

*Ucaptive 2*  
**DR. HERI SANTOSO, SS., M.HUM**  
 DOSEN FILSAFAT  
 UNIVERSITAS GADJAH MADA (UGM)

**DEWAN ORGANA HOTEL ZENITH Kuantan Pahang** | **23 OGOS 2022** | **11:15 PAGI - 1:00 TENGAH HARI FORUM 2** | **f UMP Malaysia**

# Resolusi

## WACANA SERANTAU

### Resolusi 1

Roadmap (peta hala tuju) pembangunan negara bangsa melalui penghayatan Rukun Negara hendaklah diwujudkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi merealisasikan hasrat negara untuk mendukung aspirasi nasional Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera.

### Resolusi 2

Menjadikan agenda pembangunan negara bangsa tercapai melalui ideologi Rukun Negara yang berteraskan semangat patriotisme dan jati diri dalam kalangan individu dan masyarakat.

### Resolusi 3

Program pengembangan wacana Rukun Negara peringkat universiti perlu dijadualkan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun di semua universiti awam dan swasta dengan melibatkan pengurusan tertinggi. Program ini perlu dilaporkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

### Resolusi 4

Sudut Rukun Negara Malaysia perlu diwujudkan di semua peringkat pendidikan: rendah, menengah dan tinggi sama ada kerajaan atau swasta yang menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan rujukan sejarah autoritatif.

### Resolusi 5

Tembok Rukun Negara dipahatkan di semua tempat atau lokasi ikonik negara yang boleh dibangunkan oleh semua pihak bagi merealisasikan ideologi yang boleh disaksikan dan disentuh secara fizikal pada setiap masa.

### Resolusi 6

NGO juga perlu terlibat secara aktif dalam program pembangunan negara bangsa melalui program yang dibiayai secara bersama dengan kerajaan atau melalui crowd-funding yang dijana melalui promosi kepada awam.

## Resolusi 7

Acara akademik dan sukan yang berteraskan pembangunan negara bangsa melalui ideologi Rukun Negara hendaklah senantiasanya dilaksanakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan serta syarikat swasta.

## Resolusi 8

Pengukuhan pembelajaran Matapelajaran Universiti seperti Falsafah dan Isu Semasa hendaklah dijalankan melalui pelbagai pendekatan yang dinamik serta berimpak tinggi kepada pelajar.

